



BICARA BUDIMAN

Sarkasi Said



**Panduan Pengajaran dan Pembelajaran
Sekolah Menengah dan Maktab Rendah**

Panduan Pengajaran dan Pembelajaran
Sekolah Menengah dan Maktab Rendah

Bicara Budiman

Sarkasi Said

diusahakan bersama oleh

Norhayati Awang

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura

dan

Rahmat Subadah

Guru Pakar Pusat Bahasa Melayu Singapura

Mei 2021
@ MLCS 2021

Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Menengah dan Maktab Rendah Bicara Budiman Sarkasi Said dihasilkan khusus untuk rujukan guru-guru bahasa Melayu Singapura yang mengajar di sekolah menengah dan maktab rendah mahupun institut pusat. Bahan ini hanya boleh dikeluarkan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sahaja dan bukan untuk tujuan-tujuan yang lainnya.

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura



Kandungan

	Halaman
1 Sekapur Sirih	4
2 Pengenalan	5
3 Saranan Aktiviti Pembelajaran Sekolah Menengah dan Maktab Rendah	6
❧ Aktiviti Pembelajaran	7
❧ Aktiviti Pramembaca/ Pratonton	9
❧ Aktiviti Membaca/Menonton	15
❧ Aktiviti Pascamembaca/Pascamenonton	36
4 Kesimpulan	45



Sekapur Sirih

Encik Sarkasi Said atau lebih akrab dengan panggilan Pak Sarkasi merupakan tokoh seni batik yang tersohor di Singapura. Keunggulan daya cipta dan kehalusan rasa seni beliau amat mengagumkan. Jasa dan sumbangan beliau dalam bidang seni halus dan kebudayaan serta kemasyarakatan tidak ternilai. Kesan dan manfaat sumbangan beliau dalam bidang seni batik khususnya, bukan sahaja diraih oleh masyarakat Singapura, malah di nusantara dan dunia.

Bicara Budiman Sarkasi Said ini merupakan usaha Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Kementerian Pendidikan untuk merakam dan mendokumentasi perjuangan dan pengalaman Pak Sarkasi dalam membina dan memperkaya diri dalam seni batik. Bicara Budiman Sarkasi Said ini diterbitkan pada tahun 2020 dalam bentuk dua versi iaitu (a) Rakaman Wawancara Video dan (b) Buku. Buku **Bicara Budiman Sarkasi Said** mengandungi transkrip rakaman wawancara video beliau mengenai latar belakang kehidupan, pendidikan, perjuangan, buah fikiran, pandangan, falsafah dan harapan beliau sebagai anak seni dan seniman agung batik. Pengalaman dan rasa rendah hati beliau amat terserlah walaupun beliau sudah pun mengecap pelbagai kejayaan dan anugerah sepanjang pelibatan beliau dalam dunia seni.

MLCS menggalakkan para guru untuk menggunakan **Bicara Budiman Sarkasi Said** sebagai bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi pelajaran bahasa Melayu. Sebagai usaha sokongan, MLCS telah membina **Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (Sekolah Menengah dan Maktab Rendah) Bicara Budiman Sarkasi Said** untuk kegunaan para guru dan pelajar. Bahan ini menyediakan beberapa saranan dan contoh bagaimana guru boleh membina aktiviti-aktiviti pembelajaran berasaskan bahan **Bicara Budiman Sarkasi Said** secara berkesan dan menyeronokkan.

Semoga penghasilan bahan ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dan pencetus idea demi merangsang para guru dan para pelajar untuk mempelajari, mengenali dan menghargai Sarkasi Said sebagai pelukis batik tersohor Singapura.

Selamat mencuba!

Puan Norhayati Awang
Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura



Pengenalan

Beberapa saranan aktiviti menggunakan buku **Bicara Budiman Sarkasi Said** ini disediakan bagi kegunaan guru dan pelajar. Melalui kisah perjuangan Sarkasi Said, diharapkan para guru akan terus meneroka dan menggunakan bahan ini untuk memperkenalkan Sarkasi Said kepada para pelajar dengan lebih dekat lagi di samping merangsang pemikiran dan rasa cinta yang mendalam dalam kalangan pelajar terhadap bahasa dan budaya Melayu. Diharapkan juga, guru dapat menjana pelbagai aktiviti lain yang dapat menyemarakkan lagi rasa sayang dan cinta pelajar pada bahasa dan budaya Melayu, termasuk seni di Singapura.

Dalam merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran bahasa yang berkesan dan bermakna, beberapa perkara penting perlu dipertimbangkan, termasuklah:

- ☞ Apakah objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP)?
- ☞ Apakah kemahiran bahasa yang ingin dicapai dalam PdP?
- ☞ Apakah aktiviti pembelajaran yang dirancang mengambil kira pelbagai keperluan pembelajaran pelajar?
- ☞ Adakah aktiviti yang dirancang sesuai dan menepati objektif pelajaran?
- ☞ Adakah kesediaan pelajar telah diambil kira semasa melaksanakan aktiviti PdP?
- ☞ Adakah guru merancang dan menyediakan pelbagai pengalaman pembelajaran untuk memperkaya pembelajaran pelajar?
- ☞ Bagaimanakah keberkesanan PdP dapat dinilai?
- ☞ Apakah elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang telah dikenal pasti dalam perancangan dan pelaksanaan PdP?

Perkara yang dinyatakan di atas penting dalam memandu guru mereka bentuk PdP yang sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar. **Bicara Budiman Sarkasi Said** mengandungi idea dan wawasan yang luas dan mendalam yang boleh guru manfaatkan untuk mencetuskan idea bagi PdP yang menyeronokkan dan berkesan.

Setelah mengambil kira beberapa perkara yang penting ini, guru bolehlah mereka bentuk dan melakar aktiviti-aktiviti pembelajaran yang sesuai bagi mencapai objektif pelajaran.





Saranan Aktiviti Pembelajaran Sekolah Menengah & Maktab Rendah



Aktiviti Pembelajaran

Guru boleh menggunakan pelbagai strategi bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menggalakkan pelibatan aktif pelajar menggunakan **Bicara Budiman Sarkasi Said**. Antara strategi pembelajaran yang boleh guru gunakan termasuklah:

- ❧ *Strategi Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV) dan Rutin Berfikir*
- ❧ *Strategi KWL*
- ❧ *Strategi Pengajaran Kefahaman Membaca*
- ❧ *Strategi Berfikir Secara Lantang*
- ❧ *Strategi Reciprocal*
- ❧ *Strategi Penyoalan*
- ❧ *Strategi Menjadi Kreatif*
- ❧ *Strategi Probable Passage*
- ❧ *Strategi Bertanya kepada Pengarang*
- ❧ *Strategi Log Cerita atau Papan Cerita*
- ❧ *Strategi GRP - Prosedur Membaca dengan Bimbingan*
- ❧ *Strategi Guided Reading Procedure (GRP)*
- ❧ *Strategi Pengimejan yang Berpandu*

Sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar, guru boleh mereka bentuk pembelajaran yang menggalakkan pelajar berfikir dan melakukan kajian bagi memperdalam pemahaman pelajar. Guru juga boleh menerapkan penggunaan teknologi bagi aktiviti-aktiviti berbincang dan berkolaborasi dalam kalangan pelajar. Guru juga boleh memikirkan jenis pengalaman pembelajaran yang sesuai bagi memberi peluang kepada pelajar melalui pelbagai pengalaman pembelajaran bagi memperluas pemikiran dan memperdalam pemahaman pelajar.

Secara umumnya, guru boleh mengkategorikan aktiviti pembelajaran menggunakan **Bicara Budiman Sarkasi Said** kepada tiga fasa iaitu:

1. pramembaca/pratonton;
2. membaca/menonton; dan
3. pascamembaca/pascatonton.





Beberapa Contoh Aktiviti Pembelajaran



Aktiviti Pramembaca atau Pratonton

Di peringkat pramembaca atau pratonton, guru boleh melaksanakan pelbagai aktiviti mengajar termasuklah bertanyakan soalan-soalan asas untuk mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar sebelum menjalankan aktiviti membaca atau menonton klip video. Sebagai contoh, guru boleh bertanyakan soalan-soalan untuk mengetahui perkara-perkara yang telah diketahui oleh pelajar mengenai Sarkasi Said. Respons pelajar berkaitan soalan-soalan asas yang ditanyakan oleh guru boleh dalam pelbagai bentuk dan cara seperti menggunakan:

- ☞ nota catatan
- ☞ peta minda
- ☞ penyusun grafik
- ☞ penulisan jurnal
- ☞ rakaman audio dan sebagainya.

Guru juga boleh menggunakan Kata Tanya seperti *Apa, Bila, Di mana, Siapa, Mengapa, dan Bagaimana* untuk bertanyakan soalan-soalan asas bagi mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar tentang Sarkasi Said. Contoh-contoh soalan yang boleh ditanyakan adalah seperti berikut:

1. Apakah yang awak tahu tentang Sarkasi Said? Jelaskan.
2. Siakah Sarkasi Said? Siakah antara kamu yang ingin berkongsi tentang apa yang kamu tahu tentang Sarkasi Said?
3. Bagaimana awak mula mengetahui tentang Sarkasi Said?
4. Jelaskan apa yang kamu tahu tentang Sarkasi Said. Kongsi apa yang kamu tahu dengan rakan-rakan dalam kumpulan kamu.
5. Lakukan kajian ringkas bersama pasangan kamu tentang siapa itu Sarkasi Said. Kongsi dapatan kamu dengan rakan-rakan yang lain.

Antara tujuan aktiviti pramembaca atau pratonton dilaksanakan adalah untuk mengetahui pengetahuan sedia ada pelajar mengenai Sarkasi Said. Melalui maklumat yang dikumpul dan dikongsi oleh pelajar, guru boleh melakar aktiviti seterusnya bagi menangani jurang pembelajaran dan juga memperkaya PdP yang akan dilaksanakan.

Aktiviti pramembaca atau pratonton juga boleh memberi ruang kepada pelajar untuk melakukan kajian atau pencarian maklumat umum tentang Sarkasi Said. Dalam hal ini, guru memperkasakan pelajar dengan memberikan mereka pilihan dan tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Pelajar boleh diminta untuk melakukan pencarian maklumat baik



secara sendiri, berpasangan atau secara berkumpulan tentang Sarkasi Said sebagai aktiviti pramembaca atau pratonton.

Guru boleh menggunakan pelbagai aktiviti mengajar untuk merangsang pelibatan aktif dan menggalakkan pelajar untuk memberikan respons semasa aktiviti pramembaca. Guru juga boleh menggunakan gambar-gambar lukisan Sarkasi Said atau laporan akhbar mengenai Sarkasi Said untuk merangsang pemikiran pelajar. Antara aktiviti mengajar yang boleh digunakan ialah:

- ☞ KWL
- ☞ Berfikir-Berpasangan-Berkongsi
- ☞ Lihat-Fikir-Tanya
- ☞ Mengepam
- ☞ Menggunakan Analogi dan sebagainya



KWL – Apa yang saya tahu, Apa yang ingin saya tahu, Apa yang saya pelajari

Arahan:

Teliti gambar yang diberikan. Kemudian berikan respons kamu berdasarkan templat **K-W-L** yang disediakan. Bahagian 'L' boleh diisikan kemudian oleh pelajar.





K = Know (Tahu) Jelaskan apa yang kamu tahu tentang tokoh ini.	W = Want to Know (Apa Yang Saya Ingin Tahu) Nyatakan apakah yang ingin kamu tahu mengenai tokoh ini.	L = Learnt (Yang Telah Dipelajari) Nyatakan apakah yang telah kamu pelajari tentang tokoh ini.



Rutin Berfikir – Lihat – Fikir - Tanya

Arahan:

Teliti gambar-gambar yang diberikan. Kemudian berikan respons kamu berdasarkan rutin berfikir **Lihat-Fikir-Tanya** yang disediakan.



Lihat Jelaskan apa yang kamu lihat dalam gambar-gambar ini.	Fikir Jelaskan, apakah yang kamu pikirkan tentang gambar-gambar ini.	Tanya Apakah soalan yang ingin kamu tanyakan mengenai gambar-gambar ini?



Menonton Video – Sarkasi Said

Arahan:

Tonton klip video ringkas mengenai Sarkasi Said. Klik pautan berikut untuk menonton klip video: <https://youtu.be/onrezfg9jT4>



Soalan:

Berdasarkan klip video yang kamu tonton, kenal pasti satu frasa yang amat memberikan kesan kepada kamu. Jelaskan sebab kamu berpendapat sedemikian.




Membina Soalan – Sarkasi Said

Arahan:

Teliti kulit buku **Bicara Budiman Sarkasi Said**. Fikirkan soalan-soalan yang ingin kamu tanyakan tentang Sarkasi Said. Kamu boleh menggunakan kata tanya apa, bila, di mana, siapa, mengapa, dan bagaimana semasa membina soalan-soalan kamu. Taip soalan-soalan yang ingin kamu tanyakan.

Semasa membaca buku ini, semak sama ada kamu telah mendapatkan jawapan terhadap soalan-soalan yang kamu tanyakan.



No	Soalan-soalan yang ingin ditanyakan	Catatan – Catat sekiranya kamu telah berjaya mendapatkan jawapan atas soalan yang kamu tanyakan.
1	Segmen 1 - Budi Contoh: Sarkasi Said bersekolah di mana? Taipkan soalan kamu di bawah: 1. ... 2. ... 3. ...	Taip Jawapan
2	Segmen 2 - Batik Contoh: Berapakah harga termahal lukisan Sarkasi Said? Bilakah Sarkasi Said mula melukis? Taipkan soalan kamu di bawah: 1. ... 2. ... 3. ...	Taip Jawapan
3	Segmen 3 - Budaya Contoh: Apakah anugerah yang pernah dimenangi oleh Sarkasi Said? Taipkan soalan kamu di bawah: 1. ... 2. ... 3. ...	Taip Jawapan



Aktiviti Membaca atau Menonton

Seterusnya, guru boleh menjalankan aktiviti membaca atau menonton video **Bicara Budiman Sarkasi Said**. Semasa menjalankan aktiviti membaca atau menonton **Bicara Budiman Sarkasi Said**, guru boleh merancang dan menyediakan pelbagai aktiviti mengajar bagi memastikan pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Antaranya, guru boleh meminta pelajar menyenaraikan soalan-soalan mengenai perkara yang ingin mereka tahu tentang Sarkasi Said. Semasa membaca, pelajar diminta untuk menyemak sama ada soalan-soalan yang mereka tanyakan terjawab atau sebaliknya. Aktiviti begini dirujuk juga sebagai menyemak andaian pelajar mengenai bahan yang dibaca. Guru boleh menggabungkan aktiviti bacaan dengan pelbagai teknik atau strategi membaca lain seperti strategi *Probable Passage*, Papan Cerita, Peta Minda dan sebagainya.

Guru juga boleh membahagikan aktiviti pembelajaran kepada tiga segmen atau bahagian penting mengikut kandungan dalam buku **Bicara Budiman Sarkasi Said** iaitu bahagian Budi, Batik dan Budaya. Pelajar juga boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk memfokuskan penelitian mereka tentang bahagian Budi, Batik dan Budaya dalam buku ini. Guru boleh meminta pelajar membaca dengan teliti dan menghasilkan pemahaman mereka secara berkumpulan menggunakan pelbagai multi-modal termasuklah membina poster, infografik, slaid PowerPoint, papan cerita, representasi visual maya dan pelbagai lagi cara untuk pelajar mempamerkan pemahaman mereka. Dalam hal ini, guru boleh menggunakan pendekatan pengajaran inkuiri dan pembelajaran teradun. Setelah itu, pelajar boleh menyampaikan dan berkongsi hasil kerja kumpulan mengenai kajian dan rumusan yang telah mereka pelajari. Aktiviti sebegini memperkaya dan memperluas proses dan pengalaman pembelajaran pelajar. Pelajar sebenarnya melibatkan diri dalam proses pembelajaran yang memerlukan mereka bekerjasama, berbincang dan berkolaborasi serta berfikir secara kritikal untuk menghasilkan kerja kumpulan. Kemahiran-kemahiran yang dipupuk selaras dengan kemahiran abad ke-21 untuk menyediakan para pelajar kita untuk masa hadapan. Seterusnya, guru boleh meminta pelajar untuk melakukan refleksi bagi menerapkan budaya berfikir dan pembelajaran metakognisi agar pelajar sentiasa berfikir sepanjang proses pembelajaran mereka.

Bagi memastikan pembacaan pelajar lebih terarah, guru boleh menyediakan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang disesuaikan dengan kebolehan dan keupayaan pelajar seperti beberapa contoh yang disediakan di bawah. Contoh-contoh aktiviti tersebut sebenarnya memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir dan berbincang serta bekerja sama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pembelajaran. Melalui jawapan atau respons yang diberikan oleh pelajar, guru boleh menyesuaikan jenis aktiviti pembelajaran yang selanjutnya bagi meneruskan aktiviti membaca buku **Bicara Budiman Sarkasi Said**.



Guru juga boleh menggunakan buku **Bicara Budiman Sarkasi Said** sebagai bahan bacaan. Beberapa soalan kefahaman juga telah disediakan sebagai rujukan. Guru boleh memikirkan cara-cara lain yang dianggap sesuai bagi menyemai rasa cinta pada budaya dan keseronokan dalam pembelajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah.



Rutin Berfikir - Tumpuan

Arahan:

Teliti lukisan yang disediakan. Semua lukisan ini merupakan karya Sarkasi Said. Berikan respons kamu berdasarkan soalan-soalan rangsangan yang disediakan.


Lukisan 1



Lukisan 2



Lukisan 3



Lukisan 4





Rutin Berfikir – Fikir - Tulis

Arahan:

Berikan respons kamu mengenai pengalaman yang dilalui oleh Sarkasi Said semasa mengembara ke Bali, Indonesia berdasarkan petikan yang disediakan.

Pergi ke Kuta?



Ya. Saya pergi ke Kuta. Saya pun naiklah atas lori untuk pergi ke Kuta. Lori yang saya tumpangi meneruskan perjalanannya pada waktu malam. Waktu itu hanya satu sahaja masjid di Bali. Jadi saya ikutlah sampai ke Bali. Apabila sampai di Bali, saya pun turun. Kelindan lori memberikan saya sedikit wang. Semua yang berlaku adalah ketentuan dan pemberian-Nya. Pemberian yang diberikan kepada saya amat banyak dan tidak tersangka. Saya mengucapkan syukur Alhamdulillah. Kalau boleh saya buat Alhamdulillah sebesar flat akan saya buat. Tetapi itulah yang sebenarnya berlaku.

Jadi di Bali, ke mana?

Bila sampai di Bali, saya turun. Agaknya jika seorang pelukis itu akan pergi ke mana?

Tentunya sebagai seorang pelukis saya akan ke muzium. Saya pergi ke *National Museum* di Bali. Sampai di muzium tersebut, saya berjumpa dengan pengarah atau *director museum* tersebut. Pengarah muzium tersebut mempunyai anak lelaki dan anak perempuan. Anak-anaknya masih kecil. Seperti yang saya katakan waktu itu saya boleh berbahasa Inggeris sedikit. Di Indonesia pada waktu itu jika ada seseorang yang boleh berbahasa Inggeris, orang itu sudah dianggap sebagai orang luar biasa. Disebabkan hal itu, saya telah diambil sebagai anak angkat oleh pengarah tersebut. Pengarah itu telah mengadakan satu upacara di Bali untuk mengangkat saya sebagai anak angkat. Saya diberikan pakaian dan sebagainya dan rasmilah saya menjadi anak angkatnya. Setelah itu, kedudukan saya di sana sudah terjamin. Ke mana-mana saya pergi ada *transport* yang disediakan. Makan dan minum saya semuanya terjaga.





Rutin Berfikir – Permainan Penerangan

Arahan:

Kenal pasti objek yang dipaparkan. Namakan objek tersebut. Kemudian jelaskan ciri-ciri objek tersebut. Setelah itu, berikan sebab kamu berkata demikian.



Alat-alat membuat Sarkasi Said (2019)



Rutin Berfikir – Permainan Penerangan

Berikan respons kamu berdasarkan soalan-soalan panduan yang disediakan.

Terangkan ciri-cirinya

Namakan objek itu

Berikan sebab

Bina pandangan lain/alternatif

Namakan sifat atau objek yang kamu lihat.

Apakah fungsinya? Mengapa ia ada di situ?

Mengapa kamu katakan/ fikirkan sedemikian?

Apa nama benda itu? Mengapa kamu berpandangan sedemikian?



Rutin Berfikir – Fikir – Berpasangan - Berkongsi

Arahan:

Teliti gambar yang disediakan. Berikan pandangan kamu mengenai tokoh yang dipaparkan dalam gambar tersebut.






Large empty orange rounded rectangle for writing.



Large empty green rounded rectangle for writing.



Large empty blue rounded rectangle for writing.



Rutin Berfikir – Dulu saya berfikir ... Kini saya berpendapat

Arahan:

Lakukan aktiviti ini selepas membaca **Bahagian 1 Budi** buku **Bicara Budiman Sarkasi Said**.

Sarkasi Said

Dulu saya berfikir ...

Kini saya berpendapat ...

Buat Refleksi berkaitan idea kamu yang lepas.

Idea Lepas:

Apa kekurangannya:

Jelaskan mengapa kini berubah.

Idea baharu:

Mengapa berubah:



Rutin Berfikir – Apa yang menyebabkan kamu berkata begitu?

Arahan:

Teliti gambar-gambar yang disediakan. Beri pandangan kamu tentang gambar-gambar tersebut. Kemudian, berikan sebab kamu berpandangan sedemikian.



Surat daripada Pejabat Perdana Menteri Singapura, mengucapkan terima kasih atas sumbangan Sarkasi Said, Februari 2019

Pandangan saya tentang gambar-gambar di atas.

Sebab-sebab bagi pandangan yang diberikan.



Soalan-soalan Kefahaman

Buku **Bicara Budiman Sarkasi Said** boleh dijadikan sebagai bahan bacaan dan memperkaya pembelajaran. Soalan-soalan kefahaman boleh dibina bagi memandu pemahaman pelajar. Guru boleh memilih soalan-soalan yang dianggap penting dan diberikan kepada pelajar sebagai menyokong usaha membaca untuk memahami. Guru juga boleh mempertimbangkan soalan-soalan yang sesuai dengan tahap kebolehan pelajar. Di samping membina soalan-soalan berdasarkan segmen Budi, Batik dan Budaya dalam buku **Bicara Budiman Sarkasi Said**, guru juga bebas memilih topik-topik tertentu dalam setiap segmen untuk dijadikan bahan pembacaan dan perbincangan.

Berikut merupakan beberapa soalan kefahaman yang boleh guru pertimbangkan sebagai rujukan. Soalan-soalan yang diberi terbahagi kepada dua bahagian:

1. Soalan-soalan berdasarkan keseluruhan buku
2. Soalan-soalan berdasarkan topik-topik yang terdapat dalam setiap segmen

Bahagian 1 - Budi

1. Ceritakan semula latar belakang pendidikan Sarkasi Said.
2. Berikan pandangan kamu mengenai pengalaman Sarkasi Said tinggal di warung.
3. Siapakah orang-orang yang telah memberikan perangsang dan dorongan kepada Sarkasi Said untuk menceburkan diri dalam bidang seni lukisan?
4. “Kemelaratan hidup menjadi pendorong kepada perjuangan dan pelibatan Sarkasi Said dalam bidang seni batik”. Berikan pendapat kamu mengenai pernyataan ini.
5. Sarkasi Said merupakan seorang insan seni yang berbakat. Berikan rumusan kamu mengenai bagaimana Sarkasi Said boleh menjadi pelukis batik tersohor Singapura.
6. Pengalaman di masa kecilnya banyak membentuk kehidupan Sarkasi Said. Berikan pandangan kamu mengenai pernyataan ini.
7. Sarkasi Said banyak berguru pada alam. Apakah yang kamu fahami dengan pernyataan ini? Jelaskan.
8. Pengalaman Sarkasi Said mengembara ke Indonesia dan Malaysia telah memperkaya perjalanan seni Sarkasi Said. Berikan pandangan kamu mengenai pernyataan ini.
9. Sarkasi Said mempunyai sikap ‘berkongsi’ yang amat unik. Jelaskan.
10. Sarkasi Said mempunyai pandangan yang unik mengenai cara mendidik anak-anak berkaitan dengan seni lukis batik. Berikan pandangan kamu mengenainya.
11. Sokongan keluarga merupakan antara faktor terpenting dalam perjalanan seni Sarkasi Said. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?



Latar Belakang (Halaman 8)

1. Bila dan di manakah Sarkasi Said dilahirkan?
2. Siapakah nama datuk dan nenek Sarkasi Said?
3. Apakah pekerjaan datuk dan nenek Sarkasi Said?
4. Ceritakan pengalaman Sarkasi Said hidup bersama nenek.
5. Apakah kecenderungan Sarkasi Said semasa bermain dengan kanak-kanak lain sewaktu kecil?
6. Di manakah ibu dan bapa Sarkasi Said dilahirkan?

Pasangan Hidup (Halaman 10)

7. Bilakah Sarkasi Said berumah tangga dan siapakah nama isteri beliau?
8. Ceritakan semula bagaimana Sarkasi Said mula mengenali isteri beliau.
9. Apakah ciri-ciri yang ada pada isteri Sarkasi Said yang membuat beliau tertarik untuk memperisterikannya?

Hidup Dekat Dengan Alam (Halaman 12)

10. Mengapakah Sarkasi Said tidur di 'warung' semasa beliau muda dahulu?
11. Mengapakah Sarkasi Said suka pergi ke Kebun Bunga Singapura?
12. Bilakah Sarkasi Said berhenti bersekolah? Apakah yang beliau lakukan selepas berhenti sekolah?
13. Bagaimanakah Sarkasi Said menyara hidup keluarga setelah berumah tangga pada usia 27 tahun?
14. Bagaimanakah tanggapan dan pandangan keluarga Sarkasi Said apabila beliau aktif dalam seni lukis?
15. Apakah yang dipelajari Sarkasi Said daripada datuk beliau mengenai kehidupan?
16. Nyatakan beberapa pekerjaan yang pernah Sarkasi Said lakukan selain daripada melukis.

Latar Pendidikan (Halaman 17)

17. Jelaskan tentang latar pendidikan Sarkasi Said.
18. Mengapakah Sarkasi Said hanya bersekolah Madrasah selama 2 tahun?
19. Nyatakan sebab-sebab yang membuat Sarkasi Said nekad untuk berhenti sekolah?
20. Pak Sarkasi mendapati bahawa ada pelbagai cara untuk menggunakan bahan pemisah dalam menghasilkan batik. Apakah cara-cara lain yang boleh digunakan sebagai bahan pemisah selain lilin?



Berguru Pada Alam (Halaman 22)

21. Siapakah antara orang-orang yang memberikan kesan dan panduan kepada Sarkasi Said?
22. Sarkasi Said mempunyai pengalaman yang luas dari segi mengajar batik. Jelaskan sumbangan dan pengalaman Sarkasi Said dalam mengajar seni batik.
23. Bagaimanakah ahli keluarga Sarkasi Said boleh mengikut jejak langkah beliau dalam melukis batik?
24. Bagaimanakah Sarkasi Said belajar tentang batik semasa mengikut nenek beliau menjaja batik?
25. Apakah berbezaan antara batik sarung dengan batik lepas?

Motif Dalam Batik (Halaman 29)

26. Melalui corak atau motif batik yang dipakai, kita boleh mengenal si pemakainya. Jelaskan pernyataan ini.
27. Apakah nilai yang dipelajari oleh Sarkasi Said daripada nenek beliau?

Menilai Harga Sebuah Batik (Halaman 31)

28. Bagaimanakah Sarkasi Said menilai harga sesuatu batik?

Hobi Semasa Kecil (Halaman 32)

29. Apakah hobi atau kegemaran Sarkasi Said semasa beliau masih kecil?
30. Apakah yang berlaku dengan koleksi gambar yang dikumpul Sarkasi Said?
31. Apakah perkara yang mendorong Sarkasi Said untuk menghasilkan sesuatu dengan tangan sendiri dengan hati yang jujur dan ikhlas?

Kisah Tinggal Di Warung (Halaman 34)

32. Bilakah mulanya Sarkasi Said tidur di warung?
33. Apakah perkara yang menyenangkan Sarkasi Said apabila tinggal di warung?
34. Mengapakah Sarkasi Said lebih suka tidur di warung daripada di rumah?

Kisah Mula Menjual Lukisan (Halaman 36)

35. Siapakah yang menggalakkan agar Sarkasi Said menjual lukisannya?
36. Bagaimanakah wang yang diperoleh daripada hasil jualan lukisan digunakan oleh Sarkasi Said?
37. Bagaimanakah Sarkasi Said dan keluarganya menyara hidup pada waktu itu?



38. Apakah yang dilakukan oleh Sarkasi Said di *Haw Par Villa* untuk menambah penghasilannya?
39. Pada tahun 1973, Sarkasi Said terlibat dalam pameran *Miniature Art Exhibition*. Mengapakah pameran tersebut dipanggil *Miniature Art Exhibition*?
40. Menurut pandangan Sarkasi Said, kain batik yang mana satu yang harus dicuci?
41. Apakah yang berlaku sekiranya lukisan kain batik dicuci?
42. Sarkasi Said boleh dianggap sebagai fanatik dalam melukis batik. Mengapa?

Mengembara Ke Malaysia (Halaman 43)

43. Semasa mengembara ke Malaysia, Sarkasi Said tidur di rumah siapa?
44. Apakah pengajaran yang diperoleh Sarkasi Said semasa mengembara ke Malaysia?
45. Mengapakah berlaku percanggahan antara Sarkasi Said dengan pakcik-pakciknya mengenai hal 'berkongsi'?
46. Ceritakan semula satu pengalaman 'berkongsi' yang mencerminkan falsafah kehidupan Sarkasi Said.
47. Mengapakah Sarkasi Said tidak berkongsi intan yang diperoleh dengan keluarganya?
48. Bagaimanakah isteri dan anak-anak Sarkasi Said membantu menampung perbelanjaan keluarga mereka?
49. Apakah perkara yang Sarkasi Said dapat dengan melibatkan diri dalam seni batik?

Mensyukuri Pemberian Tuhan (Halaman 47)

50. Apakah yang dimaksudkan oleh Sarkasi Said mengenai 'tidak ada apa yang boleh dibandingkan dengan pemberian-Nya'?

Saling Berkongsi (Halaman 48)

51. Bagaimanakah Sarkasi Said mengamalkan sikap berkongsi semasa tinggal di rumah yang dipanggil Blok L?
52. Sarkasi Said menganggap lukisannya sebagai 'nadi kehidupan'. Jelaskan.

Mengembara Ke Indonesia (Halaman 50)

53. Ceritakan kisah pengembaraan Sarkasi Said di Indonesia sebelum tiba di Bali.
54. Pada pandangan kamu, mengapakah Sarkasi Said dijadikan sebagai anak angkat oleh pengarah National Museum di Bali?



Bermulanya “TZEE” (Halaman 54)

55. Bagaimanakah Sarkasi Said mendapat nama “TZEE”?

56. Mengapakah nama panggilan “TZEE” amat signifikan kepada Sarkasi Said?



1. Ceritakan semula pengalaman mula-mula Sarkasi Said terlibat dalam seni batik.
2. Sarkasi Said merupakan seorang pelukis yang serba boleh. Berikan pandangan kamu mengenai hal ini. Sokong pandangan kamu dengan memberikan alasan-alasan yang wajar.
3. Sarkasi Said merupakan seorang pelukis yang berbakat. Jelaskan bagaimana Sarkasi Said mempertingkatkan kemahiran melukis beliau.
4. Jelaskan tanggapan Sarkasi Said mengenai lukisan abstrak dan naturalisme.
5. Menurut Sarkasi Said, masyarakat perlu mempunyai pengetahuan, pengalaman dan pengajian sebelum mampu menilai sesebuah karya lukisan. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pandangan beliau?
6. Bagaimanakah batik boleh menjadi lambang atau representasi budaya Melayu?
7. Motif-motif batik memang unik dan menjadi lambang pemakainya. Sejauh manakah hal ini benar menurut pandangan Sarkasi Said?

Benih Batik (Halaman 60)

1. Apakah perkara yang mendorong Sarkasi Said untuk mempelajari seni batik?
2. Apakah sebab Sarkasi Said memilih untuk mendalami dan memilih teknik batik dalam berkarya?
3. Dalam seni batik, kemahiran apakah yang sangat penting yang perlu dikuasai oleh pelukis?
4. Siapakah pelopor batik di Singapura pada awal tahun 60-an dan 70-an?

Mengenal Hasil Karya Sarkasi Said (Halaman 62)

5. Apakah pandangan Sarkasi Said mengenai ‘kesilapan’ dalam berkarya atau dalam kehidupan?
6. Apakah yang dilakukan oleh Sarkasi Said untuk memantapkan teknik atau penggunaan bahan lain yang berbeza dengan batik?
7. Apakah yang perlu dilakukan dalam menghasilkan warna yang diperlukan oleh pelukis batik?
8. Sarkasi Said belajar tentang apa daripada Pak Aznam Effendy?



9. Jelaskan pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh Sarkasi Said?
10. Jelaskan tanggapan Sarkasi Said mengenai 'cabaran' yang beliau hadapi.
11. Apakah kaitan antara karya 'naturalisme' dengan 'abstrak' menurut pandangan Sarkasi Said?
12. Huraikan pandangan Sarkasi Said tentang penilaian seseorang berkenaan sesuatu hasil karya.

Penubuhan TZEE CREATIONS (Halaman 67)

13. Mengapakah Sarkasi Said tidak mahu lagi bekerjasama dengan "TZEE CREATIONS"?
14. Bagaimanakah Sarkasi Said menyelesaikan masalah untuk membeli rumah setelah tidak bekerja sekembalinya beliau dari China?

Perkampungan Melayu Geylang Serai (Halaman 69)

15. Berapa lamakah Sarkasi Said mengendalikan gerai di Perkampungan Melayu Geylang Serai?
16. Apakah kelemahan yang Sarkasi Said tidak suka mengenai Perkampungan Melayu Geylang Serai?

Taman Warisan Melayu (Halaman 70)

17. Apakah yang dilakukan Sarkasi Said untuk mengimbangi hasil jualan lukisan yang kurang baik semasa di Taman Warisan?
18. Mengapakah Sarkasi Said menganggap pengalaman bergiat di Taman Warisan sesuatu yang membanggakan?

Masyarakat Dan Batik (Halaman 73)

19. Mengapakah masyarakat perlu membudayakan kebudayaan, khususnya dari segi seni batik menurut pandangan Sarkasi Said? Jelaskan.
20. Berikan contoh-contoh usaha untuk membudayakan karya batik?

Dorongan Badan Berwewenang (Halaman 74)

21. Berikan satu contoh bagaimana pihak yang berwewenang boleh menyokong usaha pelestarian batik di Singapura.
22. Apakah perasaan Sarkasi Said mengenai sokongan masyarakat terhadap karya batik beliau?
23. Mengapakah Sarkasi Said takut untuk menerima tempahan atau permintaan untuk melukis batik bagi tujuan sambutan Hari Kebangsaan Singapura?



Pameran Solo (Halaman 76)

24. Pengajuran pameran lukisan memakan belanja yang besar. Apakah yang dilakukan oleh Sarkasi Said untuk mengurangkan kos perbelanjaan bagi penganjuran pamerannya?
25. 'Lukisan yang bagus tidak semestinya dibeli di galeri'. Jelaskan pandangan yang diberikan oleh Sarkasi Said mengenai hal ini.
26. Mengapakah Sarkasi Said tidak meletakkan matlamat penjualan dalam sesuatu pameran?

Harga Batik (Halaman 83)

27. Bagaimanakah harga sesebuah lukisan batik itu ditentukan menurut Sarkasi Said?
28. Berapakah harga lukisan batik Sarkasi Said yang termahal?
29. Apakah pameran lukisan yang paling berprestij bagi Sarkasi Said?

Pameran Berkumpulan (Halaman 85)

30. Namakan beberapa nama terkenal yang telah membeli lukisan Sarkasi Said dan menjadikannya koleksi peribadi.
31. Menurut Sarkasi Said, sambutan daripada masyarakat setempat atau masyarakat dunia yang lebih gah berkaitan pameran batik yang beliau jalankan? Jelaskan.

Legasi (Halaman 97)

32. Menurut Sarkasi Said, legasi apakah yang ingin beliau tinggalkan?
33. Menurut Sarkasi Said, "Batik merupakan sebuah karya yang unik". Apakah yang Sarkasi maksudkan dengan pernyataan tersebut? Jelaskan.

Perbezaan Motif-Motif Batik (Halaman 104)

34. Jelaskan perbezaan motif-motif batik menurut pandangan Sarkasi Said.
35. Berikan contoh-contoh motif batik seperti yang dijelaskan oleh Sarkasi Said.

Motif Batik Lambang Negara Singapura (Halaman 107)

36. Apakah usaha awal yang pernah dilakukan di Singapura berkaitan reka bentuk batik sebagai lambang negara?



Lambang-lambang Dalam Motif Batik (Halaman 108)

37. Berikan satu contoh motif batik yang mengandung makna atau lambang-lambang tertentu pemakainya.

Peranan Warna Dalam Batik (Halaman 109)

38. Jelaskan makna warna 'soga' seperti yang dijelaskan oleh Sarkasi Said.
39. Mengapakah Sarkasi Said gemar menggunakan warna yang terang, cerah dan bertenaga?

Warna Dan Falsafah Hidup (Halaman 112)

40. Sarkasi Said banyak menyerlahkan nilai-nilai Islam dalam karya beliau. Bagaimanakah cara Sarkasi Said menerapkan nilai-nilai keislaman dalam karya beliau?
41. Kini, Sarkasi Said lebih cenderung untuk melukis atas dasar 'Seni untuk Seni'. Apakah pandangan Sarkasi Said mengenai perkara ini?

Teknik Sarkasi Said (Halaman 114)

42. Jelaskan satu teknik yang Sarkasi Said gunakan yang boleh dianggap unik.
43. Apakah pandangan Sarkasi Said mengenai batik tradisional?
44. Jelaskan pandangan Sarkasi Said mengenai nilai hasil sebuah karya seni?
45. Bagaimanakah proses berkreatif boleh diterapkan dalam pelukisan batik?

Lukisan Batik Terpanjang – Guinness World Records 2003 (Halaman 121)

46. Siapakah yang telah menaja hasil karya batik terpanjang Sarkasi Said?
47. Bagaimanakah Sarkasi Said mendapatkan idea untuk lukisan batik terpanjang yang beliau hasilkan?



1. Menurut Sarkasi Said, pelukis batik perlu mendapat latihan di institut seni batik. Mengapakah latihan ini perlu menurut kamu? Jelaskan.
2. Menurut pandangan kamu, apakah sumbangan Sarkasi Said kepada kesenian batik di Singapura?



3. Sarkasi Said turut mengikuti perkembangan batik di Eropah. Bagaimanakah perkembangan batik di Eropah menurut pandangan Sarkasi Said?
4. Sarkasi Said telah menerima pelbagai anugerah. Anugerah apakah yang paling terkesan di hati Sarkasi Said? Mengapa?
5. Jelaskan pandangan Sarkasi Said mengenai masyarakat Melayu Islam khasnya tentang pelibatan dalam bidang seni batik.
6. Menurut Sarkasi Said, apakah yang boleh dilakukan untuk melestarikan seni batik di Singapura.
7. Menurut Sarkasi Said, batik sebenarnya mempunyai nilai yang tinggi. Setujukah kamu dengan pernyataan ini?
8. Apakah nasihat Sarkasi Said kepada generasi muda?

Masa Hadapan Batik (Halaman 128)

1. Jelaskan pandangan Sarkasi Said mengenai perlunya pelukis batik mendapat latihan di institut seni batik.
2. Apakah yang berlaku dalam tahun 50-an berkaitan dengan perkembangan batik?
3. Apakah sumbangan Sarkasi Said kepada kesenian batik di Singapura?
4. Bagaimanakah perkembangan batik di Eropah menurut pandangan Sarkasi Said?
5. Nyatakan negara-negara yang pernah mengundang Sarkasi Said untuk menganjurkan kursus batik.

Anugerah (Halaman 131)

6. Anugerah apakah yang paling terkesan di hati Sarkasi Said? Mengapa?
7. Apakah rancangan Sarkasi Said untuk menghasilkan karya batik yang ingin beliau hasilkan?
8. Jelaskan sebab Sarkasi Said tidak mahu menjadi ketua dalam sesebuah persatuan?
9. Jelaskan pandangan Sarkasi Said mengenai masyarakat Melayu Islam khasnya dalam pelibatan dalam bidang seni batik.

Batik Dan Jati Diri Melayu (Halaman 133)

10. Menurut Sarkasi Said, apakah yang boleh dilakukan untuk melestarikan seni batik di Singapura.
11. Jelaskan harapan Sarkasi Said mengenai perkara yang Singapura perlu tubuhkan berkaitan usaha melestarikan seni batik.
12. “Jika kain batik boleh dipajak gadai ini bererti nilainya sama dengan emas”. Apakah yang dimaksudkan Sarkasi Said dengan pernyataan ini?
13. Apakah nasihat Sarkasi Said kepada generasi muda?



Aktiviti Pascamembaca Atau Pascamenonton

Setelah pelajar menjalankan aktiviti membaca atau menonton klip video **Bicara Budiman Sarkasi Said**, guru boleh menjalankan aktiviti pascamembaca atau pascamenonton bagi mengukuhkan pemahaman pelajar dan menjana minat membaca dalam kalangan pelajar. Misalannya, guru boleh menggalakkan pelajar untuk melakukan pembacaan lanjut atau kajian mengenai Sarkasi Said, sumbangan serta perjuangan beliau terhadap seni batik dan budaya Melayu Singapura. Setelah itu, guru boleh lanjutkan dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti yang disarankan di bawah. Yang penting adalah untuk memastikan bahawa aktiviti yang dirancang harus disesuaikan mengikut keperluan pembelajaran pelajar itu sendiri.

- ☞ Lisan
- ☞ Penulisan
- ☞ Pementasan
- ☞ Kerja Projek
- ☞ Lakonan dan sebagainya



Aktiviti Lisan/Interaksi Lisan

Guru boleh menggunakan bahan **Bicara Budiman Sarkasi Said** bagi tujuan mengasah kemahiran lisan pelajar. Sebelum, semasa atau setelah para pelajar membaca atau menonton bahan ini, guru boleh menjalankan pelbagai aktiviti yang dapat mengasah dan mengukuhkan lagi kemahiran lisan termasuklah kemahiran interaksi lisan pelajar.

Antara aktiviti-aktiviti yang boleh disesuaikan termasuklah aktiviti seperti:

- ☞ sesi dialog
- ☞ perbincangan
- ☞ perbahasan
- ☞ syarahan
- ☞ pidato
- ☞ forum
- ☞ seminar
- ☞ ceramah

Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut, guru boleh menggunakan saranan topik-topik seperti berikut:

- ☞ sumbangan Sarkasi Said terhadap seni dan budaya Melayu di Singapura;
- ☞ sumbangan Sarkasi Said dalam pendidikan seni batik di Singapura;
- ☞ sumbangan beliau sebagai aktivis masyarakat;
- ☞ lukisan dan pameran-pameran batik beliau;
- ☞ cara menghargai sumbangan beliau kepada Singapura khususnya dalam bidang seni batik;
- ☞ bagaimana membina dan melahirkan seorang tokoh lain yang sehebat Sarkasi Said;
- ☞ bagaimana memaksimumkan sumbangan Sarkasi Said agar dapat mendorong generasi muda untuk mencintai dan melestarikan seni batik dan budaya Melayu di Singapura; dan
- ☞ bagaimana menghargai sumbangan warga perintis seperti Sarkasi Said.



Aktiviti Menulis

Guru juga boleh merancang aktiviti menulis sesuai dengan keperluan para pelajar di peringkat sekolah menengah dan maktab rendah. Susulan daripada aktiviti lisan atau membaca atau menonton **Bicara Budiman Sarkasi Said**, guru boleh merancang dan melaksanakan aktiviti penulisan sesuai dengan keperluan pelajar. Topik atau aktiviti penulisan boleh dipelbagaikan termasuklah menulis:

- ✎ surat kepada Sarkasi Said untuk menyatakan rasa gembira dan terima kasih atas sumbangan beliau yang besar dalam bidang pendidikan, bahasa, budaya dan sastera Melayu
- ✎ rencana mengenai kehidupan Sarkasi Said sebagai seorang pejuang seni
- ✎ laporan mengenai aktiviti berkunjung ke rumah Sarkasi Said dan berbual mesra tentang pengalaman dan sumbangan beliau dalam seni batik
- ✎ skrip pengalaman Sarkasi Said merantau ke Bali, Indonesia
- ✎ sajak untuk menghargai sumbangan Sarkasi Said dalam bidang pendidikan khususnya usaha pelestarian seni batik dalam kalangan pelajar dan masyarakat Singapura
- ✎ surat untuk mengundang Sarkasi Said menganjurkan bengkel batik di sekolah
- ✎ e-mel untuk meminta pandangan daripada Sarkasi Said tentang usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk membudayakan seni batik dalam kalangan rakyat Singapura
- ✎ karangan kreatif termasuklah komik mengenai kehidupan Sarkasi Said pada masa zaman kanak-kanak
- ✎ esei mengenai perjuangan dan sumbangan Sarkasi Said dalam bidang seni dan budaya Melayu
- ✎ ulasan tentang lukisan-lukisan batik Sarkasi Said dan lain-lain lagi

Topik-topik lain yang boleh dipertimbangkan:

- ✎ Sumbangan Sarkasi Said kepada perkembangan seni lukis di Singapura
- ✎ Sarkasi Said seorang Seniman dan Budayawan Melayu Singapura
- ✎ Pengumpulan falsafah-falsafah kehidupan Sarkasi Said
- ✎ Sarkasi Said penjuang seni lukis tersohor Singapura
- ✎ Sarkasi Said dan Seni Batik
- ✎ Cerita-cerita koleksi pengalaman Sarkasi Said pada zaman muda
- ✎ Sumbangan Sarkasi Said kepada masyarakat



Aktiviti Kreatif dan Gabung Jalin

Selain aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran membaca, bertutur dan menulis, guru juga boleh menjalankan aktiviti kreatif yang merangkumi atau menggabungkan semua kemahiran bahasa. Antara aktiviti yang boleh dianjurkan ialah:

- ☞ pementasan drama mengenai perjalanan Sarkasi Said sebagai pelukis batik tersohor semasa program Dwiminggu Bahasa. Aktiviti sebegini melibatkan gabungan pelbagai kemahiran bahasa termasuklah kemahiran:
 - membaca – pelajar membaca mengenai latar belakang Sarkasi Said
 - mendengar dan menonton – pelajar menonton dan mendengar klip video wawancara **Bicara Budiman Sarkasi Said**.
 - menulis – pelajar menulis skrip yang akan dipentaskan
 - bertutur – pelajar menyampaikan skrip yang ditulis dalam bentuk lakonan dan ujaran
 - interaksi lisan – pelajar berbincang dan berinteraksi bagi menghasilkan karya pementasan yang baik
- ☞ penulisan skrip mengisahkan pengembaraan Sarkasi Said dalam mendalami seni batik dan pementasan drama mengenai pengembaraan beliau
- ☞ pementasan radio juga boleh dirancang dengan menggabungkan pelbagai kemahiran bahasa semasa pelaksanaannya mengenai sumbangan dan perjuangan Sarkasi Said
- ☞ pameran mengenai perjuangan dan sumbangan Sarkasi Said berdasarkan kajian dan usaha para pelajar. Pihak sekolah juga boleh bekerjasama dengan pertubuhan masyarakat Melayu untuk menghasilkan satu pameran bergerak dan para pelajar bertugas sebagai fasilitator dan penyampai bagi projek tersebut.
- ☞ kajian dan pengumpulan lukisan-lukisan Sarkasi Said serta catatan mengenai tema dan motif lukisan



Kerja Projek

Bagi meningkatkan rasa kesedaran generasi muda atas sumbangan para pelopor dan generasi perintis seperti Sarkasi Said, guru boleh menyarankan projek atau aktiviti-aktiviti berkumpulan yang berkaitan dengan perjuangan dan sumbangan Sarkasi Said. Usaha atau aktiviti-aktiviti pembelajaran yang melangkaui kurikulum ini bukan sahaja memperluas perspektif pelajar malah menyokong pembelajaran yang autentik dan melibatkan pelajar berinteraksi dengan masyarakatnya.

Kerja projek yang dicadangkan boleh mengasah pelbagai kemahiran termasuklah kemahiran membaca, menulis, berfikir, berbincang dan berkolaborasi dalam kalangan pelajar. Pelajar perlu melakukan kajian dan mengasah kemahiran menulis mereka termasuk kemahiran menulis laporan mengenai hasil kerja projek yang pelajar laksanakan. Selain itu, kemahiran lisan pelajar dapat diperkukuh dengan merancang aktiviti yang memerlukan pelajar membuat penyampaian mengenai projek yang dilaksanakan. Dalam hal ini, guru boleh mempertimbangkan untuk menggunakan wadah teknologi untuk laporan dan pembentangan yang perlu dilakukan oleh pelajar.

Menerusi aktiviti kerja projek, pelajar melalui proses pembelajaran yang melibatkan mereka untuk berfikir, berbincang dan berkolaborasi bagi menyelesaikan tugas pembelajaran. Pendekatan PdP berasaskan inkuiri boleh guru pertimbangkan bagi tujuan ini. Pelajar boleh meraih manfaat dan faedah yang luas serta membuka ruang kepada pelajar untuk mengasah pemikiran dan juga kemahiran bersosial semasa bertinteraksi dengan rakan-rakan sekumpulan, bahan dan guru.

Antara kerja projek yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- ☞ Pengumpulan lukisan-lukisan Sarkasi Said dan ulasan pelajar mengenai lukisan-lukisan tersebut
- ☞ Penyampaian mengenai sumbangan Sarkasi Said dalam bidang seni lukis
- ☞ Penyusunan maklumat mengenai pameran-pameran yang pernah Sarkasi Said jalankan
- ☞ Kertas Penyelidikan tentang sumbangan Sarkasi Said pada perkembangan karya seni lukisan tanah air
- ☞ Sumbangan dan anugerah yang pernah dimenangi Sarkasi Said
- ☞ Cerita-cerita menarik berdasarkan pengalaman Sarkasi Said
- ☞ Pengumpulan laporan akhbar mengenai Sarkasi Said dan pencapaian beliau
- ☞ Kajian ringkas memaparkan Sarkasi Said sebagai tokoh seni tersohor Singapura



- ☞ Wawancara bersama Sarkasi Said – perjuangan dan sumbangan kepada perkembangan seni dan budaya tanah air
- ☞ Penulisan skrip dan pementasan perjuangan Sarkasi Said
- ☞ Menganjurkan aktiviti penulisan dan mendeklamasikan sajak sebagai penghargaan terhadap jasa dan sumbangan Sarkasi Said
- ☞ Menulis skrip pementasan drama kisah pengembaraan Sarkasi Said ke Indonesia
- ☞ Melaksanakan kunjungan ke rumah Sarkasi Said dan berbual mesra tentang penglibatan beliau dalam seni lukis batik
- ☞ Melakar bengkel ‘Membatik Bersama Sarkasi Said’. Para pelajar boleh menjalankan aktiviti bengkel membatik untuk para pelajar sekolah menengah.
- ☞ Menganjurkan pertandingan melukis batik dan menjemput Sarkasi Said sebagai pengadil



Aktiviti Perbincangan

Pelbagai aktiviti yang dapat mengasah kemahiran berfikir dan lisan pelajar boleh dilaksanakan. Aktiviti perbincangan dan perbahasan mengenai Sarkasi Said boleh dicadangkan bagi mengasah kemahiran lisan termasuklah kemahiran interaksi lisan dalam kalangan pelajar.


Beberapa contoh tajuk perbincangan atau perbahasan yang boleh dipertimbangkan:

- ☞ Perbincangan tentang istilah jati diri Melayu menurut pandangan Sarkasi Said
- ☞ Dapatkah Singapura melahirkan seni lukis sehebat Sarkasi Said?
- ☞ Sarkasi Said setanding tokoh-tokoh seni lukis di negara lain
- ☞ Lukisan Sarkasi Said unik berbanding lukisan batik pelukis-pelukis lain
- ☞ Pada pendapat kamu, apakah falsafah kehidupan Sarkasi Said yang boleh dijadikan contoh?
- ☞ Apakah nilai-nilai yang boleh kita pelajari daripada kehidupan Sarkasi Said? Jelaskan bagaimana nilai-nilai ini boleh diterapkan dalam kehidupan.
- ☞ Kehidupan Sarkasi Said boleh diibaratkan seperti air yang ada pasang dan surutnya. Jelaskan.
- ☞ Kejayaan yang dikecapi Sarkasi Said tidak datang bergolek. Huraikan pernyataan ini dengan memberi bukti.
- ☞ Kejayaan Sarkasi Said adalah kerana bakat semata-mata. Bincangkan.
- ☞ Sarkasi Said boleh diiktiraf sebagai seorang seniman yang berjaya. Huraikan.
- ☞ Pada pendapat kamu, bagaimanakah Singapura dapat memperkenalkan dan membawa batik ke persada dunia?

Guru boleh memikirkan pelbagai aktiviti lain yang boleh dilakukan oleh pelajar dalam memupuk rasa cinta dan penghargaan terhadap tokoh-tokoh setempat yang telah banyak berjasa. Guru boleh menggalakkan pelajar untuk meneruskan minat mereka sekiranya mereka mahu mendalami atau mengkaji maklumat mengenai Sarkasi Said atau seni batik sebagai aktiviti yang dimulakan atau diinisiatifkan oleh pelajar.



Permainan Silang Kata



Ke Bawah:


1. perbezaan umur antara Sarkasi Said dan isteri
2. orang atau syarikat yang membiayai perbelanjaan pameran Sarkasi Said
3. pelopor batik di Singapura
4. alat yang digunakan untuk melukis batik
6. lukisan terpanjang Sarkasi Said dihasilkan di _____
7. salah satu galeri Sarkasi Said
9. tempat kelahiran Sarkasi Said
13. corak pada lukisan

Melintang:

3. jenis kain yang digunakan untuk membatik
5. anak didik Sarkasi Said
7. sekolah rendah Sarkasi Said
8. selain kain dan batu, batik boleh dilukis di atas bahan ini
10. negara yang pernah dikunjungi Sarkasi Said
11. makna batik
12. jumlah anak Sarkasi Said
14. Sarkasi Said lebih gemar tidur di _____ daripada di rumah



Jawapan Permainan Silang Kata



Perluasan Kosa Kata

Arahan: Bina seberapa banyak kosa kata menggunakan abjad atau huruf-huruf yang terdapat dalam frasa yang diberikan.

Sarkasi Said



Sarkasi Said

asar

dai

sis

aksara

dirasa

sari

akar

kad

sadis

dara

kasar

siar

dari

kias

sasa

daki

kari

rasa

dia

kais

riak

kasi

dasar

sisir

kadi

rias

saka



Kesimpulan

Dalam usaha memupuk rasa cinta pada bahasa dan budaya Melayu, guru boleh merancang dan melaksanakan pelbagai cara dan pendekatan yang dianggap sesuai dan menepati keperluan pembelajaran pelajar. Diharapkan idea dan bahan-bahan yang dikongsi telah memberikan para guru sedikit idea yang boleh digunakan dan menjadi pencetus bagi lahirnya pembinaan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna bagi para pelajar.

Semoga para guru terus berusaha untuk memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar menerusi pelbagai cara demi memperluas proses pembelajaran dan memperdalam pemahaman pelajar tentang bahasa dan budaya Melayu. Diharapkan usaha ini menyokong proses pembelajaran pelajar agar mencintai bahasa dan budaya serta menghargai sumbangan generasi perintis dalam membangun negara Singapura yang kita cintai bersama.



